



Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 (37)

Tarikh  Oktober 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan,

HAD NILAI DAN KAEDAH PEROLEHAN YANG BERKUATKUASA SELARAS DENGAN 1PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan penerimaan pemakaian 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang berkuatkuasa mulai 03 Julai 2014, Pentadbiran ini sentiasa memantau dan menambahbaik prosedur-prosedur pengurusan kewangan bagi melancarkan tadbir urus di peringkat Kerajaan Negeri. Bagi memberikan peluang kepada Jabatan untuk mentadbir urus aspek kewangan dengan lebih cepat dan efektif selari dengan prinsip "*let managers manage*", Pentadbiran ini telah meneliti dan memutuskan bahawa pemakaian **had nilai dan kaedah perolehan adalah mengikut sepenuhnya peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dalam 1PP PK 2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan seperti di Lampiran A berkuatkuasa mulai 01 November 2017**. Sehubungan itu, YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan adalah dipohon untuk mematuhi peraturan yang telah digariskan tersebut dan **tiada sebarang pengecualian akan diberikan kepada mana-mana Jabatan**.

3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau kemusykilan, pihak YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan adalah dipohon untuk menghubungi **Puan Nik Munirah Binti Muhd Nur di talian 09-5126 850** atau melalui **alamat e-mel nikmunirah@pahang.gov.my**. Perhatian dan kerjasama YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


**(DATO' INDERA HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

LAMPIRAN A

HAD NILAI DAN KAEDAH PEROLEHAN SELARAS DENGAN KETETAPAN
1PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) PK 2.1 KAEDAH PEROLEHAN
KERAJAAN

Bil	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuatkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20,000.00 setahun atau sesuatu kontrak	<p>a. Dilaksanakan secara Pembelian Terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.</p> <p>b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.</p>	Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
ii.	Melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 setahun atau sesuatu kontrak	<p>Dilaksanakan secara Sebut Harga mengikut tatacara sedia ada dengan kelonggaran seperti berikut:-</p> <p>a. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera;</p> <p>b. Tempoh notis dipendekkan kepada tiga (3) hari;</p> <p>c. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan. Penyebut Harga boleh mengemukakan dokumen Sebut Harga terus kepada urusetia melalui surat, faks atau emel seperti ditetapkan oleh agensi; dan</p> <p>d. Penilaian Sebut Harga oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk Pengerusi yang dilantik oleh Ketua Jabatan.</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) seperti di dalam peraturan sedia ada; ATAU</p> <p>a. Pegawai Pengawal boleh menubuhkan JKSH baharu untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000.00 sehingga RM50,000.00 yang dikenali sebagai JKSH 'B'; dan</p> <p>b. JKSH 'B' hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk Pengerusi yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan.</p>